



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	04/06/2012



ERRA FAZIRA bakal membawa karakter wanita ikonik. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dalam pementasan **Tun Siti Hasmah** pada 30 Ogos hingga 8 September nanti. Mengaku gugup dan malu kerana kisah hidupnya bakal didedahkan kepada umum sambil menyifatkan beliau hanya wanita biasa, Siti Hasmah bagaimanapun memberi restu kepada Erra Fazira dan pihak produksi untuk mementaskan teater tersebut dengan syarat, ia harus lebih memfokuskan tentang kariernya sebagai pegawai kesihatan berbanding isteri mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
KXJNQIFILION  
Y A Y A S A N  
K S P I M F I A N

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	04/06/2012

# Siti Hasmah gugup, Erra tertekan

**S**EKITAR tiga bulan lagi teater yang mengangkat kisah hidup Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, 85, bakal dipentaskan di Istana Budaya. Ia diberi nama *Teater Tun Siti Hasmah*.

Dalam tempoh perjalanan tiga bulan ini, berkecamuk pelbagai perasaan dalam diri pendokong karakter tersebut, Erra Fazira. "Saya teruja dan berbesar hati kerana dapat membawa karakter tokoh ini, tapi dalam masa yang sama, agak tertekan kerana tanggungjawab saya besar apabila bersetuju untuk memainkan watak seorang tokoh yang masih hidup," ujar Erra tanpa selindung.

Jelasnya, apa yang lebih membuat dia tertekan adalah perlu mencapai piawaian yang sebe-

**TUN SITI HASMAH** berharap teater yang mengangkat kisah kehidupannya *Teater Tun Siti Hasmah* mampu memberi impak yang baik terhadap masyarakat. Beliau juga yakin Erra mampu membawa karakter dirinya dengan baik.



Oleh MALIAH SURIP  
maliah.surip@kosmo.com.my

nar tentang membawa karakter Siti Hasmah kerana menurut Erra, bukan sahaja Siti Hasmah sendiri yang akan menilainya, tetapi ia juga akan dinilai oleh individu-individu yang dekat dengan diri beliau seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri serta anak-anak mereka. Dalam masa yang sama, dia juga perlu meyakinkan khalayak tentang kredibilitinya membawa karak-

ter tokoh tersebut. Bagaimanapun ujar Erra, dia tidak mahu tenggelam 100 peratus dalam karakter Siti Hasmah.

Katanya: "Saya memang tidak akan lari daripada perlu membawa karakter Tun Siti Hasmah, tetapi saya juga tidak boleh terlalu berusaha kerana urutuk meniru menjadi beliau. Apa yang boleh saya katakan untuk peringkat ini, saya akan cuba memberi gambaran terbaik tentang karakter beliau."

Baru dua kali bertemu dengan Siti Hasmah, aktris tersebut mengaku dia memerlukan beberapa siri pertemuan lagi untuk mendalami emosi Siti Hasmah sebagai seorang




AKTRES Erra Fazira mengaku tertekan untuk membawa karakter wanita sehebat Siti Hasmah.



ABDUL RAZAK ABDUL LATIF

- Teater *Tun Siti Hasmah* akan diarahkan oleh pengarah Adlin Aman Ramlie.
- Tun Siti Hasmah beranggapan Erra merupakan aktris yang paling layak menterjemahkan karakter beliau untuk teater tersebut.
- Tun Mahathir memanggil Tun Siti Hasmah dengan panggilan Yang, singkatan daripada Iperkataan sayang selepas Deberapa bulan mereka bercinta sehingga kini.
- Pihak produksi masih menpanti pelakon-pelakon lain untuk terbabit dalam teater tersebut.



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Kosmo
Date	04/06/2012

ISNIN 4 JUN 2012

wanita, ibu kepada empat orang anak, bekas doktor, isteri kepada Dr. Mahathir dan bagaimana beliau menjalani kehidupan hariannya untuk memantapkan lakonannya kelak.

Jika Erra melahirkan rasa gundahnya untuk membawa karakter sehebat Siti Hasmah, bagi tuan punya badan sendiri, beliau rnungaku malu untuk berbagi ceritera kehidupannya kepada khalayak. Ujar wanita yang dilahirkan di Selangor namun menghabiskan kebanyakan masanya di Kedah itu, beliau bukan sesiapa dan tidak mempunyai sejarah penting untuk diangkat ke dalam naskhah teater. Justeru, beliau juga gugup untuk dipentaskan sebagai wanita ikon.

Beliau yang ditemui semasa sesi temu bual santai tentang teater tersebut pada pagi Jumaat lalu, bagaimanapun memberitahu, akhirnya terpaksa memberi persetujuan selepas dipujuk selama setahun oleh pihak produksi yang mahu mementaskan riwayat hidupnya, World Islamic Network Television Sdn. Bhd. (WINTV).

"Secara peribadi, saya malu untuk diangkat ke pentas teater kerana anggapan saya hanya seorang wanita biasa yang tidak mempunyai apa-apa sejarah besar untuk diberitahu kepada umum.

"Bagaimanapun, saya mengalah selepas didesSk dan bersetuju kepada pihak produksi supaya ia memberi fokus terhadap perkhidmatan saya kepada masyarakat iaitu sebagai seorang pegawai kesihatan," ujarnya sambil tersenyum.

Ditanya bagaimana beliau mahu melihat eorak pementasan tersebut, adakah ia lebih menekankan kehidupannya sebagai seorang isteri mantan perdana menteri atau memfokus terhadap kepakarannya sebagai doktor, Siti Hasmah pantas menjawab, beliau mahu divisualkan sebagai seorang pegawai kesihatan yang banyak berkhidmat dan memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Saya lebih senang jika teater ini

memberi fokus terhadap karier saya sebagai seorang pegawai perubatan. Selain itu, dalam masa yang sama, saya juga merupakan seorang isteri kepada suami yang taat dan hidup bahagia bersama suaminya," katanya penuh berhemah.

Tambah Siti Hasmah, adalah penting untuk khalayak diberitahu tentang kariernya kerana sewaktu zaman beliau berkhidmat sebagai pegawai kesihatan di Kedah ketika awal perkahwinan dahulu, beliau dan pasukannya telah berjaya menukar mentaliti masyarakat untuk meyakini bidang kedokteran.

"Perkara yang membanggakan pasukan kami pada waktu itu adalah apabila mampu menukar mentaliti para ibu yang selalu mengambil khidmat bidang kampung sewaktu bersalin, agar menggunakan khidmat bidan terlatih daripada hospital. Untuk situasi pada zaman tersebut, ia dianggap sebagai pencapaian yang baik buat kami," ujarnya.

Malah besar harapan beliau untuk melihat impale teater tersebut kelak mampu dirasai oleh para pegawai kesihatan khususnya wanita yang berkhidmat untuk menyelamatkan kan banyak nyawa.


"Walaupun saya tidak berani mengatakan apakah impact yang akan diperoleh selepas teater tersebut dipentaskan kelak, namun besar harapan saya agar ia mampu memberi inspirasi buat pegawai kesihatan wanita khususnya," tambah Siti Hasmah lagi.



SITI HASMAH mahu dikenang sebagai seorang isteri yang taat kepada suaminya, Tun Dr. Mahathir dan mereka hidup bahagia dengan sokongan antara satu sama lain.



SITI HASMAH merupakan seorang wanita yang meminati muzik. Beliau pernah mempunyai sebuah kumpulan muzik pada zaman remaja dan membuat Tun Dr. Mahathir kagum dengannya selepas mengalunkan petikan piano dalam sebuah majlis.



## Tun M langgar tradisi keluarga

SEBELUM (eater ta *Siti Hasmah* bakal dipentaskan bermula 30 Ogos sehingga 8 September ini, kisah hidup suaminya. Tun Dr. Mahathir terlebih dulu tpi.h dipentaskan dengan judul *Muttkml Tun Mahathir* pada tahun 2010.

Menorima sambutan hanR.it dalam kalangan penonton kerana berjaya mengIntal sIsi lain dan perjalanan hidup seorang pemimpin negara yang cukup niasyur di mata dtlnla, empunya badan bagalmanapun mempunyai persepsi sendiri terliadap pementasan tersebut.

Tampa berselindmtg, Dr. Mahathir yang ditemui pada majlis sama memberitahu bahawa beliau selulunya berasa kurang senang untuk bertongsl kehidupan peribadi kepada umum.

"Saya malu. Saya orang yang tidak berkongsl kisah peibadi kepada umum. apalagl mahu bercerita tentang did saya sendiri.

"Saya tak kisah untuk bercakap ten-

tang parti atau politik, tapi bukan tentang diri sendiri dan kehidupan peribadi. Saya mahu.

"Sebenarnya, saya juga melarang banyak orang untuk merakamkan gambar dan menulis tentang saya, tctapi fa tidak boleh dihatang kerana seniu orang mahu berbuat demiklan" ujarnya berterus-terang sebelum meminta diri untuk menunaikan solat Jumaat.

Beliau bagaimanapun sewaktu ditomu bual untuk memantapkan jalan cerlta teater isterinya menceritakan serba sedikit tentang bbit perkenalan beliau dengan Siti Hasmah sehingga mcroka bernikah walau beliau telah melanggar tradisi keluarga apabila bemikah dengan calon Isteri pilihan sendiri, bukart berdasarkan pllihan kedua oranR tuanya.

"Kami berkenal lama sejak zaman kolej sebelum bertunang pada tahun 1956. Malah, sewaktu awal perkenalan, saya mempunyai pandangan yang

skeptlkal trchadap Siti Hasmah kerana saya lahir daripada koiuarg yang konservatif. Bertoanding beliau yang klihatan agak moden kranc mcndapat pendidikan di sekolah Ino geris.

"Saya Juga menganggap kehidupan beliau agak kebaratan, tctapi selepas mengenali beliau, Siti Hasmah juga rupanya datang daripada kelung; yang konservatif dan saya senang hat kerana saya tidak pernah bergaul dengan wanita melainkan la ahli koluarg a saya.

"Malah sewaktu saya membawa Sit Hasmah ptllang ke Kedah, ada ke luaraa yang menerima dan ada yan tidak kerana budaya keluarga saya calon isteri atau suami dipilih oleh kedua oran tua kaml, tetapi saya telal mempunyai pilihan sendiri untuk bernikah dengan siapa yang saya mahu.\* dedah Dr. Mahathir yang meraiקר perkahwinan mereka selama lima har lima malam.